# Panduan untuk Kisah Kejayaan

## *Guide for Success Stories*

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).*

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumat PI1M** | **Nama PI1M**: *Dabong*<br>**Nama Pengurus**: *Zalina binti Ismail* — **No. Telefon**: *019-8099523*<br>**Nama Penolong Pengurus**: *Nur' Atiqah binti Hasbullah* — **No. Telefon**: *019-9161366*<br>**Email**: *dabong@pi1m.com.my* |
| **Lokasi** | **Daerah**: *Dabong* — **DUN**: *Dabong*<br>**Mukim**: *Kuala Pergau* — **Parlimen**: *Kuala Krai*<br>**Negeri**: *Kelantan* |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>Siti Norhaliza binti Zulkiflie</td><td>Umur</td><td>27 tahun</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>halizazulkiflie@yahoo.com</td><td>No. Telefon</td><td>017-2854734</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>Kampung Berangan, Jelawang, 18200 Dabong, Kelantan</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>07/09/2015</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Kek & Acuan Kuih Elektrik</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br><br>
Puan Haliza mempunyai seorang anak lelaki dan merupakan suri rumah yang bergiat aktif dalam bidang keusahawan kek dan juga menjual acuan elektrik untuk kek dan kuih tradisional sebagai tambahan pendapatan. Sebelum bergelar suri rumah & usahawan, beliau pernah bekerja di sebuah kilang di Kuala Lumpur. Sebaik sahaja dikurniakan cahaya mata beliau nekad untuk berhenti kerja dan berhijrah mngikut suami yang kebetulannya di tukarkan ke Balai Polis Dabong.<br><br>
<u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br><br>
Tugasnya sebagai suri rumah sepenuh masa pada awalnya membuatkan dia cuba mencari peluang untuk menambah pendapatan sendiri untuk belanja peribadi. Berbekalkan minat yang mendalam dan bakat dalam membuat kek mendorong beliau untuk cuba menjadi usahawan kek dan pastry. Pada awalnya, beliau hanya membuat kek berdasarkan tempahan yang didapati dari jiran tetangga dan kawan-kawan sahaja. Sebelum memulakan perniagaan secara online, pendapatan yang diperoleh beliau adalah dalam 500-800 sahaja sebulan.<br><br>
<u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br><br>
Setelah beberapa bulan menjalankan perniagaan secara offline, Puah Haliza mula berani untuk memasarkan produknya secara online. Tempat pertama yang di tuju ialah PI1M Dabong kerana tahu bahawa PI1M Dabong menyediakan perkhidmatan internet yang sangat laju. Di samping itu, petugas PI1M juga memainkan peranan dalam membina keberanian beliau untuk memasarkan produk beliau secara online. Ia adalah hasil daripada kelas asas ICT dan juga latihan keusahawanan yang diadakan. Setelah mula mengiklankan produk di Facebook, sambutan dalam kalangan rakan facebook terutamanya yang tinggal di sekitar Dabong amat-amat memberangsangkan. Bukan hanya hangat disambut disekitar Dabong, produknya juga mendapat sambutan hingga ke satu daerah Kuala Krai malah juga daerah-daerah sekitar. Ia sekali gus melonjakkan pendapatan beliau sehingga mencecah RM2500 sebulan jauh lebih cukup untuk menampung kehidupan
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>seharian.</td></tr>
<tr><td>Penggunaan PI1M</td><td><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u><br><br>- Mempelajari cara menggunakan peralatan komputer dan asas pengetahuan berkaitan teknik menaip.<br>- Menghadiri kelas ICT dan latihan keusahawanan.<br>- Mewujudkan akaun facebook dan mempelajari cara membuat iklan dan promosi bagi menarik minat pengikut.<br><br><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u><br><br>- PI1M menyediakan semua kemudahan yang perlukan bukan sahaja komputer malah perkhidmatan lain seperti kemudahan ruang yang selesa untuk memjalankan aktiviti perniagaan online dengan tenang.<br>- PI1M menyediakan kelas yang amat releven untuk membuka lagi minda beliau terhadap perniagaan contohnya Bengkel Latihan Intel.<br>- Kemudahan internet yang sangat pantas yang disediakan oleh PI1M juga telah banyak membantu beliau dalam mempromosi produk beliau dan juga bermanfaat untuk beliau mencari idea-idea yang baru untuk meningkatkan lagi penghasilan produk beliau di laman sesawang.</td></tr>
<tr><td>Online Platform</td><td>
<table>
<tr><td>Laman Web</td><td>-</td><td>Blog</td><td>-</td></tr>
<tr><td>FB</td><td>https://www.facebook.com/haliza.zul</td><td>Instagram</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Whatsapp</td><td>017-2854734</td><td></td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Gambar & Keterangan** | i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri<br><br><br>Caption: Bengkel ICT (Intel Easy Steps & Manfaat media social) yang pernah dihadiri oleh Puan Haliza. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | ii) Produk / Hasil Transformasi<br><br><br> |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br><br><br><br>Caption : Pelbagai jenis kek yang dijual oleh Puan Haliza mengikut tempahan pelanggan.<br><br>iii) Promosi di Media Sosial |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br><br><br><br><br> |
| | Caption : Promosi yang dibuat di akaun Facebook milik Puan Haliza |
| | iv) Lain-lain (contoh : proses penghasilan produk, penglibatan dalam aktiviti lain, dsb) |
| | |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br><br>Caption : Selain daripada kek, Puan Haliza juga menjadi ejen untuk produk acuan kuih tradisional. |
| **Maklumbalas** | *Kemudahan internet yang telah disediakan oleh Pusat Internet 1Malaysia sangat-sangat memberi manfaat kepada saya untuk terus mempertingkatkan lagi pendapatan melalui bidang perniagaan ini. Malah, kewujudan PI1M telah mewujudkan tiang wi-fi komuniti (WK) di sekitar kampung saya yang mana manyediakan kemudahaan wi-fi yang sangat-sangat diperlukan oleh peniaga seperti saya.* |